

**SULIT**

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9986**

**SOALAN:**

**Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tangkapan penagih dadah pada tahun 2016 berbanding pada tahun sebelumnya dan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan dalam membendung masalah ini.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil tindakan di bawah seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi mengesan dan menahan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela. Pada tahun 2015, sebanyak 3,035 operasi telah dijalankan di mana sebanyak 10,955 tangkapan telah dibuat. Bilangan operasi telah meningkat kepada 4,123 operasi pada tahun 2016 di mana jumlah tangkapan penagih dadah adalah seramai 15,279 orang.**

**Operasi-operasi ini juga dijalankan oleh AADK melalui operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Sukarelawan (RELA), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pusat Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi yang berkaitan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2,061 operasi bersepadu daripada 4,123 operasi telah dijalankan. Bagi mengekang aktiviti penagihan dadah di kawasan sempadan Malaysia, Unit Antidadah Sempadan (UAS) AADK telah menahan dan menjalankan ujian saringan awal urin ke atas 9,096 orang yang memasuki negara sepanjang tahun 2016.**

**SULIT**

## **SULIT**

Operasi-operasi ini merupakan langkah AADK dalam melaksanakan strategi Perangi Dadah Habis-Habisan melibatkan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan seperti berikut:

- i. Program *omnipresence*, iaitu aktiviti bagi menunjukkan kehadiran pihak berkuasa atau pasukan bertugas dalam sesuatu kawasan tumpuan agar dapat meningkatkan rasa selamat dan keyakinan ahli komuniti.
- ii. Program operasi pengesanan dan penahanan (Ops Cegah) iaitu program dan aktiviti mengesan dan menahan penagih-penagih di kawasan sarang penagih yang dikenal pasti dan memproses mereka yang disahkan penagih oleh pegawai perubatan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti.
- iii. Program operasi bersepadu iaitu program dan aktiviti pengesanan dan penahanan pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan seperti PDRM, JKDM, RELA, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Kementerian Kesihatan, PBT dan lain-lain agensi berkaitan. Mereka yang ditangkap melalui operasi ini kemudiannya akan dihantar untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti berdasarkan perintah mahkamah.

**SULIT**